

Lebih separuh atau 12 daripada 20 pesilat dalam skuad Sukan SEA Singapura tahun ini akan bersaing buat pertama kali di temasya sukan dwitahunan berprestij itu. **BERITA HARIAN** bertemu dengan empat daripada pesilat itu di OCBC Arena baru-baru ini untuk menyinangkap perjalanan mereka ke Sukan SEA sebelum pasukan negara berangkat ke Hanoi pada Sabtu ini.

Pesilat muda bersemangat harungi cabaran Sukan SEA



MAHU BUKTIKAN BAKAT: Hazim (*kiri*) dan abangnya, Haziq, akan mewakili Singapura dalam acara seni ganda putra di Sukan SEA Hanoi mula pertengahan bulan ini.

ZULAIQAH ABDUL RAHIM
zulair@sph.com.sg

SATU panggilan yang tidak dijangka daripada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Pesis), Sheik Alau'ddin Yusoff Marican, pada awal Februari lalu, menyatakan semua pasangan adik-beradik pesilat ini kepada sukan yang mereka ceburi sejak kecil lagi.

Muhammad Hazim Mohd Zaqee, 18 tahun, dan abangnya, Muhammad Haziq, 20 tahun, akan mewakili Singapura dalam acara seni ganda putra di Sukan SEA Hanoi bulan ini. Penampilan mereka di pentas temasya sukan berprestij itu adalah yang pertama buat duo itu.

Menceritakan detiknya mendapat panggilan "mengejutkan" itu, Haziq, yang mula menceburi diri dalam silat seawal usia enam tahun, berkata:

"Bapa saya menelefon saya pada waktu pagi dan ketika itu, saya masih lagi tidur. Dia kata Uncle



BERSEMANGAT: (Dari kiri) Aniq, Nazurah, Haziq dan Hazim adalah sebahagian daripada pesilat negara yang bakal membuat penampilan pertama mereka di Sukan SEA tahun ini. - Foto-foto BH oleh MOHD KHALIB BABA

Pasangan adik-beradik kembali dari 'bersara' demi negara

Sheik telefon dan ingin kami masuk balik dalam silat.

"Kami terkejut sebab kami memang telah buat keputusan untuk tidak bertanding lagi. Kami sudah penat... dan mahu cuba sukan baru, selain sibuk dengan kegiatan lain."

Namun, selepas berunding, adik-beradik itu menyahut cabaran untuk kembali ke gelanggang selepas dua tahun berehat. Ibu bapa mereka menajdi motivasi kuat untuk Hazim dan abangnya berusaha gigih.

"Ini adalah satu-satunya peluang untuk kami beraksi bersama dan mencipta sejarah untuk keluarga kami."

"Kami ingin buktikan kepada mereka yang meragui bakat kami bahawa kami boleh berjaya," kata Haziq, yang beraksi dalam silat pada usia empat tahun. Bapa mereka, Mohd Zaqee Mohd Ali, adalah bekas pesilat dan kini wasit di kejohanan silat.

"Bapa kami kerap bersama pasukan nasional untuk ke kejohanan luar negara dan ketika beliau di me-

ja wasit, beliau akan terfikir tentang kami. Beliau kata beliau dapat lihat kami bersaing di kejohanan besar. Jadi ini adalah impiannya," tambah Haziq.

Keputusan mereka dalam arena silat menjadi lebih manis dengan Haziq dan Hazim digandingkan bersama buat pertama kalinya.

"Ia rasa selesa," kata Hazim, sambil menambah "perguduhan manja" mengenai silat antara adik-beradik itu juga sudah menjadi perkara biasa.

Keakraban ini ditunjukkan di Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara pada lewat Februari lalu di Singapura ketika mereka meraih pingat emas dalam acara seni tunggal putera senior dengan pungan 9.75 mata. Kategori itu bagaimanapun tiada saingan lain.

Namun, perjalanan mereka ke kejohanan itu penuh onak dan duri. Mereka hanya mempunyai lapan hari untuk membuat persiapan sejak mendapat undangan itu.

Haziq, yang bertugas sebagai du-

ta jenama sebuah gimnasium dan jurulatih basikal, cedera akibat kemalangan motosikal. Beberapa bahagian badannya cedera.

Namun, Haziq menahan kesakitan untuk terus berlatih dan beraksi di dalam arena.

"Si adik pula, yang kini di tahun akhir jurusan kejuruteraan elektronik dan kawalan kuasa Nitec di Kolej Timur ITE, sedang sibuk dengan latihan kerja sambil belajar dan terpaksa mencari masa untuk berlatih."

"Terus terang, kami agak tertekan (dengan situasi itu). Tapi, kami tidak mahu mengahpakan semua orang dan teruskan juga berlatih dengan gigih," kongsi Haziq.

Sebaliknya cabaran yang dilalui sepanjang perjalanan mereka ke Sukan SEA ini, Haziq dan Hazim bertekad membawa pulang kejayaan dengan sebutir pingat dari Hanoi nanti.

"Tidak kiralah warna pingat... tapi jika kami berjaya mendapat pingat emas, itu mungkin sudah rezeki kami," tambah Haziq.

Nazurah sahut cabaran tanding dalam acara baru

MEDAN persaingan antarabangsa tidak asing bagi srikandi silat nasional, Siti Nazurah Mohd Yusoff, yang pernah mewakili Singapura di Sukan Asia dan Kejohanan Pencak Silat Sedunia pada 2018.

Namun, di Sukan SEA di Hanoi pada 12-23 Mei ini, Nazurah, 21 tahun, bakal menyahut cabaran baru.

Beliau bukan hanya akan membuat penampilan sulungnya di temasya sukan dwitahunan berprestij Asia Tenggara itu, malah akan bersaing dalam acara baru - seni tunggal puteri.

Pelajar sambilan dalam jurusan khidmat sukan dan kesejahteraan di Politeknik Republic itu berahli ke persembahan seni solo awal tahun ini.

Beliau sebelumnya bertanding dalam acara seni regu puteri.

Ghairah untuk beraksi di Sukan SEA, pemenang pingat perak dalam acara seni regu puteri di Kejohanan Pencak Silat Sedunia 2018 di Singapura itu berkata:

"Bertanding solo amat berbeza. Anda seorang diri di dalam arena dan hanya mempunyai diri anda sendiri."

"Dari segi mental, ia kekal sama. Tapi, secara fizikal, ia lebih mencabar kerana acara seni tunggal memerlukan tahap kecergasan yang lebih tinggi dan ada elemen senjata."

Nazurah berpeluang menguji ketangkasnya dalam acara baru itu di Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara yang berlangsung di Singapura hujung Februari lalu.

Beliau menang pingat perak dalam acara seni tunggal puteri senior, selepas kalah tipis kepada pesilat Malaysia, Nur Syafiqah Hamzah, dengan 9.895 mata berbeza 9.930 mata.

"Ia adalah pertandingan pertama saya dan saya tidak mahu me-



MAHU UKIR NAMA DI PENTAS BESAR: Selepas bersaing di Sukan Asia dan Kejohanan Pencak Silat Sedunia pada 2018, Nazurah akan membuat penampilan sulungnya di Sukan SEA di Hanoi.

letakkan tekanan terlalu besar ke atas diri sendiri.

"Pastinya, saya rasa kecewa sebab di akhir rutin, saya mula rasa kepenatan dan ia ketara semasa persembahan saya itu. Tapi itulah hakikatnya," katanya, yang menceburi silat seawal usia tujuh tahun dan pernah juga bersaing dalam acara tanding.

Dengan bimbingan jurulatihnya dan meneliti video persembahan bekas pesilat negara serta rakan sepasukan lain dalam seni tunggal, termasuk juara dunia Muhammad Iqbal Abdul Rahman, Nazurah

bertekad memperkembangkan lagi persembahan di Sukan SEA Hanoi.

Beliau sasar membawa pulang pingat emas untuk Singapura.

"Ia sentiasa menjadi impian saya untuk mencapai semua tahap tertinggi sukan ini dan mengukir nama saya sendiri," kongsi Nazurah, yang pertama daripada keluarga empat beradik silat untuk ke Sukan SEA dan masih lagi aktif dalam sukan itu.

"Walaupun ini kali pertama saya ke Sukan SEA, saya tetap mahu meraih pingat emas," tambahanya. - ZULAIQAH ABDUL RAHIM

Aniq dapat inspirasi dari pencapaian cemerlang dua kakaknya

INGATANNYA menyusur Sukan SEA 2019.

Berada di tempat duduk penonton, Aniq Arie Mohd Yazid tak berhenti-bersorak, memberi semangat kepada kakaknya, pesilat, Nur-zuhairah Mohd Yazid, yang sedang beraksi di temasya yang berlangsung di Subic, Filipina.

Dua setengah tahun kemudian, siapa sangka Aniq beralih dari 'tempat duduk penonton' untuk melangkah masuk dan beraksi di gelanggang di temasya sukan dwitahunan itu.

Pesilat muda berusia 16 tahun ini bakal membuat penampilan sulungnya di Sukan SEA di Hanoi bulan ini. Beliau akan bersaing dalam acara tanding putera kelas B (50-55 kilogram).

Pelajar Menengah 5 di Sekolah Sukan Singapura itu juga adalah pesilat termuda dalam skuad Singapura di Sukan SEA tahun ini.

"Saya tidak pernah membayangkan diri saya akan ke Sukan SEA sebab ia adalah sesuatu yang amat bermakna sekali," kata Aniq, anak bongsu daripada keluarga tiga beradik silat.

"Ketika saya ke Filipina untuk menyokong kakak saya dua tahun lalu, saya ada simpan hasrat untuk bertanding di Sukan SEA suatu hari nanti. Dan sekarang saya sudah berjaya ke Sukan SEA, sukar untuk saya mengambarkan perasaannya."

Aniq, yang mula berjinjak-jinjak dalam silat seawal kira-kira usia empat tahun, terdorong untuk mencapai kecemerlangan dalam sukan itu setelah meraih inspirasi melihat kejayaan kedua kakaknya.

Kakak sulungnya, Nur-zuhairah, merupakan juara dunia 2018, dan pernah memenangi pingat emas di Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur dan pingat perak di Sukan Asia 2018 di Jakarta.

Seorang lagi kakaknya, Nur-



SASAR KEJAYAAN: Aniq akan membuat penampilan sulungnya di Sukan SEA di Hanoi dalam acara tanding putera kelas B (50-55 kilogram).

ziahah, adalah pemenang pingat emas dalam acara seni tunggal di Kejohanan Pencak Silat Remaja Sedunia 2018 dan setahun kemudian, menang pingat gangsa dalam acara tanding kelas C (55-60 kilogram) di Kejohanan Pencak Silat Pantau Sedunia.

"Sayalah budak yang sering mengukut kakak-kakak ke mana saja mereka pergi. Tapi, hari demi hari, saya melihat mereka bertanding dan menang banyak pingat, itu yang buat saya ingin menjadi seperti mereka dan mencapai tahap mereka," kongsi Aniq.

Aniq juga tidak kurang hebat-

nya melakar laluan kejayaan sendiri selepas melalui tahun cemerlang pada 2019 - meraih pingat emas dalam acara tanding kelas D (60-65 kilogram) junior di Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Korea, Terbuka Belgium, Terbuka Amerika Syarikat dan dua Terbuka Singapura.

Di Hanoi bulan ini, Aniq berharap dapat mengharumkan nama Singapura sekali lagi.

"Pastinya saya inginkan pingat emas... apapun jika berjaya menduduki antara di tiga tempat teratas tentu satu pencapaian besar buat saya," tambah beliau.